

01 MAY 2001

Cuepacs-Kerajaan

TIDAK SALAH BAGI CUEPACS MENYOKONG KEPIMPINAN NEGARA, KATA SIVA

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam hari ini berkata tidak salah bagi kongres itu menyokong penuh kepimpinan kerajaan kerana kerajaan sentiasa prihatin terhadap banyak masalah kakitangan awam di negara ini.

Beliau berkata dalam keadaan negara menghadapi masalah seperti masalah ekonomi, pemimpin kesatuan pekerja tidak harus mengambil peluang itu bagi menunjukkan mereka lebih kuat daripada kerajaan.

Cuepacs sangat rapat dengan Perdana Menteri kerana apabila pekerja menghadapi sesuatu masalah "beliau orang pertama yang kita dampingi", katanya.

"Apa salahnya kita berdiri di belakang menyokong penuh kepimpinan negara. Bila ada masalah, inilah pemimpin yang membantu kita. Kita harus balas dengan sokongan penuh dan kasih sayang," katanya ketika memberikan ucapan aluan di majlis perhimpunan Hari Pekerja 2001 bagi anggota sektor awam di auditorium Intan Bukit Kiara di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan amanat pada majlis itu yang dihadiri hampir 1,000 orang. Tema sambutan kali ini ialah Pekerja Pemangkin Kemakmuran Negara.

Siva Subramaniam berkata konsep rakan kongsi bijak yang diilhamkan oleh Perdana Menteri turut diamalkan oleh Cuepacs.

Menurutnya, walaupun Cuepacs membuat pelbagai tuntutan seperti sistem gaji yang lebih baik tetapi telah membawa kakitangan awam bersatu membantu kerajaan ketika masalah ekonomi melanda negara.

Katanya sebagai negara yang mengamalkan demokrasi, pemimpin kesatuan sekerja di negara ini memang bebas mengkritik kerajaan seperti yang boleh dilihat sekarang yang menurutnya berbeza dengan di kebanyakan negara lain.

Beliau berkata kongres itu percaya setiap masalah pekerja harus diselesaikan secara musyawarah dan bukannya cara menunjuk perasaaan atau berdemonstrasi.

Cuepacs akan turut melaksanakan pelbagai program bagi membantu ahlinya termasuk melalui skim insuran berkelompok, dan setakat ini telah membayar hampir RM4 juta untuk anggota yang menghadapi pelbagai penyakit serta masalah lain, katanya.

Beliau meminta kakitangan awam supaya meningkatkan pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) termasuk mengambil peluang latihan yang disediakan oleh kerajaan serta kongres itu bagi menghadapi pelbagai cabaran masa kini.

Beliau juga meminta supaya ketua-ketua jabatan menggunakan majlis bersama kebangsaan bagi menyelesaikan pelbagai masalah pekerja di peringkat jabatan kerana menurutnya setakat ini 50 peratus daripada ketua-ketua jabatan belum lagi menubuhkan majlis itu.

-- BERNAMA

RV ES RHM